

LITERASI ZAKAT DALAM PEMBANGUNAN UMMAH: PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

ZAKAT LITERACY IN UMMAH DEVELOPMENT: A MAQASID SHARIAH PERSPECTIVE

Hallieyana Sha'ari¹
Noor Amani Mohamed Hussin²
Nurul Fazlina Mat Zin³

¹Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia,
(E-mail: hallieyana@kias.edu.my)

²Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),
Malaysia, (E-mail: amani@kias.edu.my)

³Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia,
(E-mail: nurulfazlina@kias.edu.my)

Article history

Received date : 21-5-2026
Revised date : 22-5-2026
Accepted date : 10-6-2026
Published date : 20-6-2026

To cite this document:

Sha'ari, H., Mohamed Hussin, N. A., & Mat Zin, N. F.
(2026). Literasi zakat dalam pembangunan ummah:
Perspektif maqasid Syariah. *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83),
542 – 555.

Abstrak: Zakat merupakan instrumen kewangan sosial Islam yang mempunyai peranan signifikan dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat melalui pengagihan kekayaan secara adil dan sistematik. Selain berfungsi sebagai ibadah wajib, zakat juga berupaya menyumbang secara berterusan kepada kemajuan ekonomi, sosial dan pendidikan masyarakat Islam. Artikel konseptual ini bertujuan membincangkan peranan zakat sebagai pemangkin pembangunan ummah berdasarkan dimensi ekonomi, sosial dan pendidikan dengan mencadangkan satu Kerangka Integrasi Literasi Zakat dan Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan penyelidikan melalui kepustakaan dan sorotan literatur terkini berkaitan zakat, pembangunan sosial dan literasi zakat dalam tempoh tahun 2020 hingga 2025. Dapatan literatur menunjukkan bahawa zakat bukan sahaja membantu mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan pendapatan, malah mampu memperkukuh pembangunan modal insan melalui pendidikan dan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat. Artikel ini turut menekankan kepentingan literasi zakat dalam meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai fungsi zakat sebagai instrumen pembangunan ummah yang mampan. Pendekatan zakat produktif dan pendidikan zakat secara berterusan diyakini dapat memperkasakan golongan asnaf serta menyumbang kepada kesejahteraan sosial yang lebih holistik.

Kata kunci: Zakat, Literasi Zakat, Kesejahteraan Ummah, Maqasid Syariah, Pembangunan Sosial

Abstract: Zakat is an Islamic social finance instrument that plays a significant role in strengthening societal well-being through the equitable and systematic distribution of wealth. Beyond its function as a compulsory religious obligation, zakat also contributes continuously to the economic, social, and educational advancement of the Muslim community. This conceptual article aims to examine the role of zakat as a catalyst for ummah development from economic, social, and educational dimensions, grounded within the framework of Maqasid Shariah. The study adopts a qualitative approach through library research and a review of recent literature related to zakat, social development, and zakat literacy published between 2020 to 2025. The literature findings indicate that zakat not only assists in alleviating poverty and reducing income inequality, but also strengthens human capital development through education and the enhancement of public awareness regarding zakat obligations. This article further emphasises the importance of zakat literacy in improving public understanding of zakat as a sustainable instrument for ummah development. Productive zakat approaches and continuous zakat education are believed to empower the asnaf community while contributing to more holistic social well-being.

Keywords: Zakat, Zakat Literacy, Ummah Well-Being, Maqasid Shariah, Social Development

Pengenalan

Zakat merupakan kewajipan yang ditetapkan dalam Islam dan menjadi sebahagian rukun Islam yang utama. Kepentingan zakat dapat difahami melalui hadis Rasulullah SAW:

“Islam dibina atas lima perkara: bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad itu utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa pada bulan Ramadan.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Berdasarkan hadis ini, zakat mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam kehidupan umat Islam bukan sahaja melibatkan hubungan manusia dengan Allah SWT, bahkan turut melibatkan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Melalui zakat, kekayaan dapat diagihkan secara lebih adil bagi membantu golongan yang memerlukan dan memperkukuh kesejahteraan ummah (Lembaga Zakat Selangor, 2026).

Zakat ialah salah satu instrumen penting dalam sistem ekonomi Islam yang memainkan peranan besar dalam membentuk keseimbangan ekonomi dan sosial masyarakat. Pensiariatannya bukan hanya bertujuan menyucikan harta pembayar zakat, bahkan menjadi mekanisme pengagihan kekayaan untuk mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dalam masyarakat Islam dan membantu golongan miskin. Dalam konteks semasa, zakat semakin dilihat sebagai instrumen pembangunan sosial yang mampu menangani cabaran kemiskinan, ketidaksamaan pendapatan dan peningkatan kos sara hidup (Hasibuan et al., 2024).

Perubahan landskap ekonomi global dan cabaran pasca pandemik turut meningkatkan kepentingan zakat sebagai medium perlindungan sosial masyarakat Islam. Bantuan zakat yang meliputi aspek sara hidup, pendidikan, kesihatan dan pembangunan ekonomi memberi impak langsung terhadap peningkatan taraf hidup golongan asnaf. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa zakat berpotensi menjadi instrumen pembangunan ekonomi yang lebih berkesan

sekiranya dilaksanakan secara produktif dan berorientasikan pembangunan modal insan (Suhaili et al., 2024).

Selain aspek ekonomi dan sosial, literasi zakat juga semakin diberi perhatian dalam perbincangan akademik semasa kerana ia dilihat sebagai faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku kepatuhan berzakat dalam kalangan umat Islam. Literasi zakat merujuk kepada tahap kefahaman individu mengenai konsep, hukum, kaedah pembayaran serta peranan zakat dalam pembangunan masyarakat. Tahap literasi zakat yang tinggi bukan sahaja meningkatkan kesedaran terhadap kewajipan berzakat, malah turut menggalakkan penglibatan aktif dalam pembangunan ekonomi ummah melalui agihan semula kekayaan secara lebih adil dan sistematik. Hal ini selaras dengan penemuan penyelidikan sebelumnya yang menunjukkan bahawa literasi zakat memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan tingkah laku pembayaran zakat dalam kalangan muzakki (Clarashinta Canggih & Rachman Indrarini, 2021).

Kajian-kajian terdahulu juga konsisten menunjukkan bahawa literasi zakat mempunyai hubungan signifikan dengan tahap pematuhan pembayaran zakat serta keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat. Dapatan empirikal membuktikan bahawa semakin tinggi literasi zakat seseorang individu, semakin tinggi kecenderungan mereka untuk menunaikan zakat secara formal melalui institusi yang diiktiraf (Muhammad Irsyad et al., 2023). Selain itu, faktor kepercayaan terhadap institusi zakat juga memperkukuh hubungan ini, sekali gus menyumbang kepada peningkatan keberkesanan sistem zakat dalam mengurangkan kemiskinan dan memperkukuh kesejahteraan sosial masyarakat Islam (Clarashinta Canggih & Rachman Indrarini, 2021).

Sebaliknya, kekurangan pengetahuan berkaitan zakat boleh menyebabkan masyarakat gagal memahami fungsi sebenar zakat sebagai instrumen pembangunan sosial Islam, sekali gus menjejaskan potensi kutipan zakat. Kajian di Malaysia dan konteks serantau turut menunjukkan bahawa tahap literasi yang rendah menjadi antara faktor penghalang kepada peningkatan kutipan zakat yang optimum kerana masyarakat kurang memahami kewajipan serta mekanisme pelaksanaannya (Meerangani et al., 2022). Oleh itu, usaha meningkatkan literasi zakat seperti melalui pendidikan, kempen kesedaran dan digitalisasi maklumat adalah amat penting bagi memperkukuh kefahaman masyarakat.

Walaupun kutipan zakat di Malaysia meningkat setiap tahun, kemajuan ini masih belum menunjukkan tahap literasi zakat masyarakat yang sebenar. Ini disebabkan oleh fakta bahawa masyarakat masih memahami konsep dan fungsi zakat pada tahap yang terhad dan lebih tertumpu kepada aspek asas pelaksanaannya. Dalam kebanyakan kes, institusi zakat menjalankan program kesedaran yang lebih menekankan aspek *fiqh* dan pematuhan terhadap kewajipan pembayaran zakat daripada penghayatan peranan zakat sebagai alat yang menyeluruh untuk pembangunan sosioekonomi ummah (Makarim & Hamzah, 2024).

Tambahan pula, kekurangan kaedah yang secara sistematik dan holistik mengintegrasikan literasi zakat dengan kerangka Maqasid Syariah menyumbang kepada masalah ini. Pada masa ini, sebahagian besar modul literasi zakat yang digunakan lebih menumpukan pada perkara teknikal yang berkaitan dengan pengiraan, pengurusan dan pembayaran zakat, tetapi mereka tidak menghubungkannya dengan objektif utama syariah. Sementara itu, elemen Maqasid Syariah, termasuk pemeliharaan harta (*hifz al-mal*), pemeliharaan jiwa (*hifz al-nafs*), dan kesejahteraan masyarakat, adalah penting untuk membina sistem kewangan Islam yang beretika, berterusan, dan berkesan (AKPK, 2025).

Keadaan ini menyebabkan masyarakat salah faham tentang zakat kerana ia sering dilihat sebagai tugas ibadah ritual semata-mata. Mereka tidak menyedari peranan pentingnya dalam pengagihan semula kekayaan, mengurangkan jurang ekonomi dan mewujudkan keadilan sosial (Muhammad & Shahimi, 2022). Akibatnya, zakat tidak semestinya dilaksanakan bersama-sama dengan kesedaran yang mendalam tentang fungsinya untuk menjamin kesejahteraan ekonomi dan pembasmian kemiskinan secara berterusan.

Jika literasi zakat tidak dikaitkan dengan prinsip Maqasid Syariah, ia mungkin menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Ia juga mungkin menghalang usaha untuk mencipta strategi pendidikan dan kesedaran zakat yang lebih sesuai dengan cabaran semasa (Isa et al., 2024; Noraini Saro et al., 2026). Kajian terdahulu telah membincangkan aspek pengurusan zakat, pembangunan ekonomi asnaf, pendidikan, dan agihan zakat berasaskan Maqasid Syariah. Walau bagaimanapun, kurang kajian telah mengintegrasikan literasi zakat dengan Maqasid Syariah untuk menjelaskan fungsinya sebagai instrumen pembangunan ummah yang menyeluruh yang melibatkan aspek ekonomi, sosial, dan pendidikan.

Sehubungan itu, artikel ini membincangkan peranan zakat secara menyeluruh berdasarkan tiga dimensi utama iaitu ekonomi, sosial dan pendidikan dengan menambah elemen literasi zakat sebagai komponen penting dalam pembangunan ummah. Perbincangan ini dianalisis menggunakan pendekatan Maqasid Syariah bagi memastikan fungsi zakat selari dengan objektif pemeliharaan agama (*ḥifz al-dīn*), nyawa (*ḥifz al-nafs*), akal (*ḥifz al-‘aql*), keturunan (*ḥifz al-nasl*) dan harta (*ḥifz al-māl*).

Sorotan Literatur

Literasi Zakat dan Kesedaran Masyarakat

Literasi zakat adalah penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan zakat dalam masyarakat Islam. Ia merangkumi kefahaman terhadap hukum, konsep, syarat, serta kaedah pengiraan zakat yang betul. Tahap literasi yang baik membolehkan masyarakat melaksanakan kewajipan zakat secara konsisten dan tepat. Sebaliknya, kajian menunjukkan bahawa tahap literasi zakat yang rendah boleh memberi kesan kepada kadar pembayaran zakat serta mengurangkan kefahaman masyarakat terhadap fungsi zakat sebagai instrumen pembangunan ummah (Wahid et al., 2023).

Selain itu, literasi zakat juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab sosial Islam. Apabila individu memahami konsep asas zakat seperti nisab, haul, dan jenis-jenis zakat, mereka lebih cenderung untuk menunaikan zakat dengan betul. Hal ini secara tidak langsung membantu memperkukuh sistem agihan zakat kepada golongan asnaf serta menyokong pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam secara menyeluruh (Lembaga Zakat Selangor, 2026).

Dalam era digital, penyebaran maklumat berkaitan zakat menjadi lebih mudah dan meluas melalui media sosial, aplikasi mudah alih serta platform pendidikan dalam talian. Transformasi digital ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada maklumat zakat, malah membantu menarik minat generasi muda untuk memahami konsep zakat secara lebih interaktif. Pendekatan digital ini juga memperluaskan kefahaman tentang zakat produktif yang berperanan dalam pembangunan ekonomi Islam moden (MAIWP, 2026).

Menurut Sakinatul Raadiyah et al. (2025), pendidikan zakat yang berterusan mampu membentuk sikap positif masyarakat terhadap kewajipan berzakat serta meningkatkan keyakinan terhadap peranan zakat dalam pembangunan ekonomi, pendidikan dan sosial. Oleh itu, usaha memperkasakan literasi zakat perlu dilaksanakan secara menyeluruh melalui institusi pendidikan, masjid serta platform digital. Pendekatan ini penting bagi memastikan masyarakat bukan sahaja memahami zakat sebagai kewajipan ibadah, tetapi juga sebagai instrumen strategik dalam pembangunan ummah (Sakinatul Raadiyah et al. 2025; Wahid et al., 2023).

Syarat Wajib Zakat

Zakat adalah rukun Islam ketiga, dikenakan ke atas setiap yang beragama Islam yang memenuhi syarat tertentu. Zakat ialah pengeluaran sebahagian harta tertentu untuk diberikan kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya dari segi istilah syarak, manakala perkataan “suci”, “berkembang”, dan “berkat” digunakan dalam bahasa (MAIWP, 2026; Lembaga Zakat Selangor, 2026). Pensyariaan zakat bertujuan menyucikan harta dan jiwa manusia daripada sifat bakhil serta membantu meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam (MAIWP, 2026; Wahid et al., 2023). Syarat wajib zakat perlu dipenuhi sebelum seseorang diwajibkan menunaikan zakat sebagaimana jadual 1 berikut:

Jadual 1: Syarat Wajib Zakat (Portal Rasmi Zakat Universiti UKM, 2026)

Syarat Wajib Zakat	Huraian
Islam	Zakat hanya diwajibkan ke atas umat Islam sebagai satu bentuk ibadah dan ketaatan kepada Allah SWT.
Pemilikan Sempurna (al-Milk al-Tam)	Individu mestilah mempunyai kuasa penuh ke atas harta, termasuk hak menggunakan, mengurus dan memperoleh manfaat tanpa sekatan pihak lain. Syarat ini memastikan hanya harta milik sah dikenakan zakat.
Cukup Nisab	Kadar minimum harta yang memerlukan zakat dikenali sebagai nisab, yang biasanya bersamaan 85 gram emas bagi zakat simpanan, pendapatan dan perniagaan.
Cukup Haul	Haul merujuk kepada tempoh pemilikan harta selama satu tahun Hijrah sebelum zakat diwajibkan.
Merdeka	Individu yang bebas mempunyai keupayaan untuk mengawal apa yang mereka miliki.

Peranan Zakat Dalam Pembangunan Ummah

Dimensi Ekonomi

Literatur semasa menunjukkan bahawa zakat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan ekonomi masyarakat Islam. Dalam konteks makroekonomi Islam, zakat berfungsi sebagai instrumen redistribusi kekayaan yang membantu mengurangkan jurang pendapatan serta menstabilkan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat (Singh et al., 2025; Wahid et al., 2023). Menurut Sha'ari dan Mohd Yusoff (2023), zakat bukan sekadar instrumen ekonomi, malah ia mampu memperkukuh pembangunan ummah melalui pengagihan kekayaan secara lebih seimbang, yang sekali gus menyumbang kepada pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) dalam kerangka Maqasid Syariah.

Sebagai bantuan sosial dan mekanisme pembangunan ekonomi yang lebih luas, agihan zakat berperanan penting dalam memenuhi keperluan asas golongan miskin dan berpendapatan rendah seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan. Melalui sistem agihan yang teratur,

zakat dapat mengurangi tekanan ekonomi isi rumah serta meningkatkan kuasa beli golongan asnaf. Impak ini seterusnya merangsang aktiviti ekonomi setempat dan menghasilkan kesan berganda (*multiplier effect*) terhadap pertumbuhan ekonomi umat Islam secara keseluruhan sekiranya dilaksanakan secara sistematik dan efisien (Lembaga Zakat Selangor, 2026).

Walau bagaimanapun, pendekatan bantuan zakat secara tradisional yang hanya tertumpu kepada bantuan kewangan jangka pendek dilihat kurang memberi kesan jangka panjang terhadap peningkatan ekonomi penerima. Menyedari kekangan ini, konsep zakat produktif semakin mendapat perhatian sebagai pendekatan baharu yang lebih mampan untuk membantu mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kestabilan ekonomi masyarakat. Bantuan berbentuk modal perniagaan, latihan profesional atau kemahiran, dan sokongan keusahawanan memberi peluang kepada asnaf untuk menghasilkan pendapatan sendiri, meningkatkan taraf hidup, serta mencapai kestabilan pendapatan yang mampan (Nooh, 2025).

Pelaksanaan zakat produktif ini juga secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan penerima terhadap bantuan kebajikan semata-mata (Saiman & Mustaffa Kamal, 2025). Melalui program latihan dan modal yang disalurkan, tahap berdikari dalam kalangan asnaf dapat ditingkatkan, sekali gus berpotensi melahirkan kelompok usahawan baharu dalam kalangan penerima zakat. Pendekatan transformasi ini membolehkan golongan asnaf keluar daripada kitaran kemiskinan tegar melalui pengupayaan ekonomi yang holistik.

Kesan jangka panjang daripada transformasi ini bukan sahaja membantu penerima memenuhi keperluan asas dan mengubah taraf hidup mereka, malah memberi pulangan kitaran (*circular effect*) kepada ekosistem Islam. Golongan asnaf yang telah berjaya mencapai kestabilan ekonomi ini berpotensi untuk kembali menyumbang kepada sistem zakat pada masa hadapan sebagai pembayar zakat (*muzakki*). Kesannya, sistem ini bukan sahaja memperkukuh pembangunan ekonomi ummah secara berterusan, malah menjamin kelestarian dana zakat untuk generasi akan datang (Saiman & Mustaffa Kamal, 2025; MAIWP, 2026).

Dimensi Sosial

Dari sudut sosial, zakat membantu memperkukuh hubungan masyarakat melalui nilai solidariti dan tanggungjawab sosial. Bantuan zakat yang meliputi aspek kesihatan, makanan dan tempat tinggal membantu meningkatkan kesejahteraan hidup golongan rentan. Kajian oleh Sha'ari dan Mohd Yusoff (2023) turut menjelaskan bahawa zakat mempunyai peranan penting dalam membentuk kesejahteraan sosial masyarakat melalui bantuan berterusan kepada golongan memerlukan serta pengukuhan hubungan sosial dalam komuniti Islam.

Selain itu, zakat juga dapat membentuk hubungan sosial yang lebih harmoni melalui nilai tolong-menolong, empati dan tanggungjawab sosial. Pengagihan zakat yang berkesan mampu mengurangkan perbezaan antara orang kaya dan miskin serta meningkatkan solidariti masyarakat Islam. Zakat berperanan penting dalam memperkukuh kesejahteraan sosial masyarakat Islam. Zakat membantu orang yang memerlukan memenuhi keperluan asas mereka, seperti makanan, tempat tinggal, rawatan perubatan dan bantuan kecemasan. Keadaan ini secara tidak langsung membantu mengurangkan tekanan hidup dan meningkatkan kestabilan sosial masyarakat (Muhammad Ilhamuddin et al. 2025).

Kajian oleh Musa Mohd Sarip et al. (2023) menunjukkan bahawa zakat berpotensi menyumbang kepada pembangunan komuniti melalui program keselamatan makanan, pembangunan usahawan dan bantuan sosial yang berterusan. Ini membuktikan bahawa zakat

bukan sekadar instrumen kebajikan, tetapi juga medium pembangunan sosial yang mampan. Zakat juga berperanan dalam mengurangkan ketidaksamaan sosial dan meningkatkan keharmonian masyarakat. Sokongan sosial melalui zakat dapat membantu masyarakat menghadapi cabaran ekonomi semasa dengan lebih baik.

Menurut Maqasid Syariah, aspek sosial sistem zakat adalah instrumen struktural untuk melindungi tiga matlamat utama syarak iaitu pemeliharaan nyawa (*ḥifz al-nafs*), keturunan (*ḥifz al-nasl*), dan harta (*ḥifz al-māl*). Sebagai jaminan paling penting (*ḍarūriyyāt*) untuk memelihara kelangsungan nyawa dan maruah golongan rentan, penyediaan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan rawatan perubatan kecemasan adalah penting (Muhammad Ilhamuddin et al., 2025). Apabila keperluan asas ini dipenuhi, tekanan hidup boleh dikurangkan, mengekang anomali sosial dan memastikan institusi keluarga dan keturunan kekal stabil.

Dimensi Pendidikan

Pendidikan merupakan salah satu aspek utama dalam pembangunan modal insan dan memainkan peranan penting dalam mengangkat taraf sosioekonomi masyarakat. Dalam konteks zakat, bantuan pendidikan yang disalurkan kepada golongan asnaf membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah memperoleh akses pendidikan yang lebih baik. Bentuk bantuan seperti biasiswa, pembayaran yuran pengajian serta bantuan peralatan pembelajaran mampu mengurangkan beban kewangan keluarga asnaf dan memastikan kesinambungan pendidikan anak-anak mereka (Naemah Hamzah et al., 2021; MAIWP, 2026).

Kajian oleh Naemah Hamzah et al., (2021), menunjukkan bahawa bantuan zakat dalam bidang pendidikan memberi kesan positif terhadap motivasi serta pencapaian akademik pelajar asnaf. Pelajar yang menerima bantuan zakat didapati lebih bersemangat untuk meneruskan pengajian kerana beban kewangan yang berkurangan. Selain itu, bantuan ini turut membantu mengurangkan kadar keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar daripada kumpulan berpendapatan rendah, sekali gus meningkatkan peluang mobiliti sosial dalam masyarakat (Naemah Hamzah et al., 2021).

Dalam perspektif Maqasid Syariah, pendidikan berkait rapat dengan pemeliharaan akal (*ḥifz al-‘aql*), iaitu salah satu matlamat utama dalam pensyariaan Islam. Oleh itu, peruntukan zakat dalam bidang pendidikan bukan sekadar bantuan kebajikan, tetapi merupakan satu bentuk pelaburan jangka panjang dalam pembangunan modal insan dan kesejahteraan ummah. Pendidikan yang berkualiti membolehkan individu membina kemahiran, meningkatkan daya saing, serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (Lembaga Zakat Selangor, 2026; Wahid et al., 2023).

Selain bantuan kewangan, pendidikan berkaitan literasi zakat juga memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran masyarakat terhadap kewajipan berzakat serta kepentingannya dalam pembangunan ummah. Pendedahan awal terhadap konsep zakat dalam sistem pendidikan dapat membantu melahirkan generasi yang lebih memahami tanggungjawab sosial Islam. Hal ini seterusnya menyokong usaha memperkukuh sistem zakat sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi umat Islam secara menyeluruh (MAIWP, 2026; Naemah Hamzah et al., 2021).

Secara keseluruhan, bantuan pendidikan zakat berfungsi sebagai alat mobiliti sosial untuk mencapai matlamat Maqasid Syariah melalui pemeliharaan akal (*ḥifz al-‘aql*). Bantuan ini telah berjaya mengurangkan keciciran dan menggalakkan pelajar asnaf untuk mencapai kejayaan melalui penyediaan akses akademik yang inklusif. Ia juga membantu dalam pembangunan

modal insan yang berdaya saing. Apabila agenda agihan kewangan digabungkan dengan penerapan literasi zakat sejak peringkat awal, kepentingan aspek ini diperkukuh lagi. Ini membolehkan generasi seterusnya memahami tanggungjawab sosial Islam. Oleh itu, program pendidikan yang berasaskan syariat ini mesti berterusan untuk transformasi asnaf daripada mustahiq (penerima zakat) kepada muzakki (pembayar zakat), yang akan membawa kepada kesejahteraan sosioekonomi yang menyeluruh dan berkekalan untuk ummah.

Literasi Zakat Sebagai Pemangkin Kesedaran Ummah

Literasi zakat yang baik membantu masyarakat memahami fungsi zakat secara lebih menyeluruh, bukan sahaja sebagai tanggungjawab agama tetapi juga sebagai alat untuk kemajuan sosial dan ekonomi umat Islam. Dalam konteks semasa, zakat dilihat mampu berperanan sebagai mekanisme agihan kekayaan yang berkesan dalam mengurangkan jurang pendapatan, membantu golongan miskin serta memperkukuh kesejahteraan masyarakat melalui pengagihan semula sumber ekonomi secara lebih adil. Kajian menunjukkan bahawa zakat memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi ummah dan pengurangan ketidakseimbangan sosial (Patmawatie Hj Ibrahim, 2008).

Kefahaman yang tinggi terhadap konsep zakat juga meningkatkan kesedaran individu mengenai tanggungjawab sosial mereka terhadap pembangunan ummah. Dalam hal ini, literasi zakat didapati mempunyai hubungan positif dengan sikap dan tingkah laku kepatuhan zakat serta penglibatan dalam sistem ekonomi Islam (Malik et al., 2024).

Selain itu, literasi zakat yang baik turut membentuk sikap positif masyarakat terhadap kewajipan berzakat serta meningkatkan tahap pematuhan pembayaran zakat secara formal melalui institusi zakat. Kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman berkaitan zakat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi gelagat pembayaran zakat dalam kalangan muzakki (Muhammad Yusran et al., 2024). Justeru, peningkatan literasi zakat bukan sahaja memberi kesan kepada tahap kesedaran, malah turut memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap sistem pengurusan zakat.

Di samping itu, pemahaman yang lebih mendalam terhadap zakat turut menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menyokong pembangunan golongan asnaf melalui pelbagai saluran bantuan seperti pendidikan, keusahawanan dan kebajikan sosial. Kajian turut mendapati bahawa faktor literasi dan pengetahuan agama mempunyai hubungan signifikan dengan pematuhan zakat serta penglibatan dalam sistem ekonomi Islam yang lebih formal dan berstruktur (Che Mohd Syaharuddin et al., 2023). Hal ini menunjukkan literasi zakat mempunyai peranan yang penting dalam membentuk tingkah laku sosial yang lebih bertanggungjawab.

Dapat dirumuskan bahawa, literasi zakat memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat memahami fungsi zakat bukan sahaja sebagai tanggungjawab agama, malah sebagai instrumen pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam. Tahap literasi zakat yang tinggi dapat meningkatkan kesedaran, sikap positif dan kepatuhan masyarakat untuk menunaikan zakat secara konsisten. Selain membantu golongan asnaf, zakat juga berperanan dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Pendidikan zakat yang berterusan melalui institusi pendidikan, program komuniti dan kempen kesedaran dapat meningkatkan kefahaman masyarakat berkaitan konsep, pengiraan dan agihan zakat.

Integrasi Maqasid Syariah dan Literasi Zakat sebagai Kerangka Konseptual

Kerangka Maqasid Syariah merupakan asas konseptual dan normatif yang penting dalam menilai peranan zakat terhadap kesejahteraan ummah. Ia berlandaskan lima objektif utama, iaitu pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*), nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), akal (*ḥifẓ al-‘aql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*). Kelima-lima elemen menjadi panduan utama dalam menentukan keutamaan agihan zakat serta menilai keberkesanan impaknya terhadap penerima. Zakat dianggap sebagai mekanisme pemenuhan keperluan asas jangka pendek, sebaliknya sebagai instrumen yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup yang lebih menyeluruh dan berterusan (Ahmad Shukri & Rosli, 2021).

Sorotan literatur kontemporari menunjukkan bahawa pendekatan Maqasid Syariah semakin meluas digunakan dalam reka bentuk dan penilaian program zakat. Hal ini adalah disebabkan oleh keterbatasan pendekatan konvensional yang lebih berfokus kepada pencapaian output semata-mata tanpa menilai impak jangka panjang secara holistik. Pendekatan Maqasid Syariah membolehkan penilaian yang lebih menyeluruh merangkumi aspek ekonomi, sosial dan pendidikan, selaras dengan pemeliharaan harta, nyawa dan akal (Sakinatul Raadiyah et al. 2025). Dalam masa yang sama, literasi zakat dalam kalangan masyarakat turut dikenal pasti sebagai elemen penting yang mempengaruhi keberkesanan sistem zakat, khususnya dari segi kefahaman terhadap fungsi, kewajipan dan potensi zakat sebagai instrumen pembangunan sosial Islam.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan satu Kerangka Analisis Zakat berasaskan Maqasid Syariah yang diintegrasikan dengan literasi zakat bagi menghubungkan dimensi agihan zakat dengan objektif Maqasid Syariah secara lebih sistematik dan menyeluruh. Integrasi ini menegaskan bahawa keberkesanan zakat bukan hanya bergantung kepada aspek agihan semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh tahap literasi zakat dalam kalangan masyarakat yang membentuk kefahaman, kesedaran dan kepatuhan terhadap pelaksanaan zakat sebagai instrumen pembangunan ummah.


Dari sudut Maqasid Syariah, dimensi agama merujuk kepada pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*) yang diperkukuh melalui kefahaman masyarakat terhadap kewajipan zakat sebagai ibadah dan tanggungjawab keimanan. Dimensi ekonomi pula dikaitkan dengan pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*) melalui pelaksanaan zakat produktif yang meningkatkan kestabilan pendapatan dan pembangunan ekonomi golongan asnaf. Seterusnya, dimensi pendidikan merujuk kepada pemeliharaan akal (*ḥifẓ al-‘aql*) melalui bantuan pendidikan dan pembangunan modal insan yang memperkasa keupayaan intelektual masyarakat.

Di samping itu, dimensi sosial berkait dengan pemeliharaan nyawa dan keturunan (*ḥifẓ al-nafs* dan *ḥifẓ al-nasl*) melalui jaminan keperluan asas, perlindungan sosial serta pengukuhan kesejahteraan komuniti. Kesemua dimensi ini menunjukkan bahawa zakat berperanan sebagai instrumen pembangunan holistik yang merangkumi aspek spiritual, ekonomi, intelektual dan sosial dalam kehidupan umat Islam (Sakinatul Raadiyah et al, 2025).

Dalam kerangka ini, literasi zakat bertindak sebagai faktor penghubung utama yang memperkukuh keberkesanan setiap dimensi Maqasid Syariah. Tahap literasi zakat yang tinggi bukan sahaja meningkatkan kesedaran terhadap kewajipan berzakat, malah memperluaskan kefahaman mengenai peranan zakat sebagai instrumen pembangunan agama, ekonomi, pendidikan dan sosial. Justeru, integrasi antara literasi zakat dan Maqasid Syariah ini membolehkan penilaian impak zakat dilaksanakan secara lebih holistik, bersepadu dan

mampan, sekali gus memperkukuh peranan zakat sebagai mekanisme utama dalam mencapai kesejahteraan ummah yang menyeluruh.

Kerangka Konseptual Integrasi Zakat Dan Literasi Zakat Ke Arah Kesejahteraan Ummah Berasaskan Maqasid Syariah



Rajah 1: Cadangan Kerangka Integrasi Zakat dan Literasi Zakat ke Arah Kesejahteraan Ummah Berasaskan Maqasid Syariah

Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa pembangunan ummah melalui zakat perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan mengintegrasikan aspek ekonomi, sosial, pendidikan dan literasi zakat. Literasi zakat bertindak sebagai penghubung penting dalam meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap fungsi zakat sebagai instrumen pembangunan sosial Islam.

Metodologi Kajian

Peranan literasi zakat dalam pembangunan ummah berteraskan Maqasid Syariah dikaji dalam kertas konsep ini melalui kaedah analisis kepustakaan. Data sekunder dikumpul secara menyeluruh melalui carian artikel, prosiding, dan buku akademik yang diterbitkan antara 2020 dan 2025. Laman web rasmi institusi zakat utama, seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), digunakan untuk membuat rujukan silang ke dokumen, laporan tahunan, dan statistik semasa. Ini dilakukan untuk memastikan bahawa maklumat ini adalah tepat. Segala-galanya telah diperiksa dengan teliti untuk memastikan hanya kandungan yang berkaitan dengan aspek sosial, ekonomi, pendidikan, dan pematuhan zakat.

Kemudian, data yang dikumpul dianalisis dengan analisis kandungan dan analisis tematik untuk mendapatkan maklumat yang sesuai dengan matlamat kajian. Untuk membina tema utama seperti pengukuhan literasi zakat, kesejahteraan sosial dan pembangunan ekonomi, kajian terdahulu digabungkan dengan data rasmi institusi. Metodologi ini menghasilkan kerangka

konsep yang jelas dan menyeluruh mengenai kepentingan literasi zakat sebagai alat yang lestari untuk pembangunan sosial Islam.

Perbincangan

Perbincangan kajian menunjukkan bahawa zakat mempunyai potensi yang besar dalam memperkukuh pembangunan masyarakat Islam apabila dilaksanakan secara holistik dan berorientasikan pembangunan modal insan. Zakat bukan sekadar instrumen bantuan kewangan kepada golongan asnaf, tetapi turut berfungsi sebagai mekanisme strategik dalam mengurangkan ketidaksamaan sosial dan meningkatkan kesejahteraan komuniti. Dalam konteks ini, zakat berperanan menyokong pembangunan ekonomi melalui pengagihan semula kekayaan yang lebih adil serta membantu meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah. Justeru, pelaksanaan zakat yang menyeluruh mampu memberi impak yang signifikan terhadap pembangunan sosial dan ekonomi ummah.

Di samping itu, penggunaan teknologi digital dan media sosial telah membuka ruang baharu dalam memperluaskan penyebaran ilmu zakat secara lebih pantas, mudah dan berkesan, khususnya kepada generasi muda yang lebih cenderung kepada platform digital. Pendigitalan sistem zakat juga bukan sahaja memudahkan urusan pembayaran dan pengurusan zakat, malah turut meningkatkan ketelusan, kecekapan serta keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat. Hal ini secara tidak langsung dapat memperkukuh kepercayaan masyarakat serta meningkatkan kadar pematuhan pembayaran zakat dalam kalangan umat Islam.

Oleh itu, pengukuhan literasi zakat melalui pendidikan, penggunaan teknologi dan pengurusan institusi yang cekap adalah sangat penting bagi memastikan zakat dapat berfungsi secara efektif dalam pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan ummah. Tahap literasi zakat yang tinggi akan meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap konsep, fungsi dan kepentingan zakat dalam kehidupan, sekali gus mendorong kepada amalan berzakat yang lebih konsisten dan berkesan. Ini menunjukkan bahawa literasi zakat merupakan elemen asas yang mempengaruhi keberkesanan keseluruhan sistem zakat dalam masyarakat.

Selain itu, pendekatan zakat produktif serta pembangunan pendidikan golongan asnaf perlu terus diperkasakan bagi memastikan zakat bukan hanya bersifat bantuan jangka pendek, tetapi menjadi instrumen pembangunan jangka panjang yang mampan. Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip Maqasid Syariah yang menekankan kepentingan menjaga agama (*ḥifẓ al-dīn*), nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), akal (*ḥifẓ al-‘aql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*). Oleh itu, integrasi antara zakat produktif, pendidikan asnaf dan pembangunan modal insan adalah penting dalam memastikan zakat benar-benar berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan ummah yang seimbang dan berterusan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, zakat mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam pembangunan masyarakat Islam apabila dilaksanakan secara holistik dan berteraskan pembangunan modal insan. Zakat bukan sahaja berfungsi sebagai bantuan kewangan kepada golongan asnaf, malah sebagai instrumen penting dalam pembangunan ekonomi, pendidikan dan kesejahteraan sosial. Selain itu, perkembangan teknologi digital dan media sosial telah memperkukuh penyebaran ilmu zakat serta memudahkan urusan pembayaran dan pengurusan zakat, sekali gus meningkatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat.

Secara keseluruhannya, pengukuhan literasi zakat melalui pendidikan, teknologi dan pengurusan institusi yang berkesan adalah elemen utama dalam memastikan keberkesanan sistem zakat dalam masyarakat. Tahap literasi zakat yang tinggi dapat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kepatuhan masyarakat terhadap kewajipan berzakat serta menggalakkan penglibatan aktif dalam pembangunan ummah. Di samping itu, pendekatan zakat produktif dan pembangunan pendidikan asnaf yang selari dengan Maqasid Syariah perlu terus diperkasakan bagi memastikan zakat berperanan sebagai instrumen pembangunan jangka panjang yang mampan dan menyeluruh.

Rujukan

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). (2025). Literasi Kewangan Islam: Maqasid Menuntun Arah, Ilmu Menyokong Falah. Dipetik dari: <https://www.akpk.org.my/sites/default/files/202512/Literasi%20Kewangan%20Islam%20Maqasid%20Menuntun%20Arah%20C%20Ilmu%20Menyokong%20Falah.pdf>
- Ahmad Shukri Bin Yusoff, & Rosli Bin Mokhtar. (2021). The Requirements for Malaysia's Zakat Institutions to Comply with the Maqasid Al-Syariah Index. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 4(2 December), 39–49.
- Che Mohd Syaharuddin. C. C., Julaina. B., Siti Nur Zahirah. O., Mohd Hafeez. A. A. A. W., & Zatul'Ain. A. T. (2023). Determinants of Zakat Compliance Behavior: A Case of Lembabaga Zakat Selangor. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 8(47). Vol. 8. No.47 (2023).
- Clarashinta. C., & Rachma. I. (2021). Apakah Literasi Mempengaruhi Penerimaan Zakat? *Jurnal Ekonomi Syariah Indonesia*. Vol. XI, No. 1. H: 1-11. ISSN 2089-3566
- Hasibuan, R. A. S., Gbla, A., Salawe, M., Zaid, M., & Zhang, H. (2024). Zakat and Poverty Alleviation in Malaysia: A Systematic Review and Bibliometric Analysis. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 7(2 December), 31-54.
- Isa, M.Y., Ahmad, N.H., Maamor, S., Ahmad, Z., & Abu Bakar, N.A. (2024). The Role Islamic Financial Literacy from The Perspective of Maqasid Al-Shariah: A Case Study of Community of Naka in Kedah. *International Journal of Islamic Business*, 9(2), 26-42. <https://doi.org/10.32890/ijib2024.9.2.3>
- Makarim, D. F., & Hamzah, M. Z. (2024). Peran dan Potensi Digitalisasi Manajemen Zakat: Sebuah Systematic Literature Review. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 10(01), 463-471.
- Malik, A., Alrasyid, H., & Kamaruddin, M.M. (2024). Student Compliance in Paying Zakat: Do Zakat Literacy and Awareness Matter? *Asia Journal of Islamic Management*, 6(1), 63-73.
- Mazlan, M. F., & Shahimi, S. (2022). Pengaruh Kewajipan Agama dan Literasi Zakat Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan Secara Terus Melalui Perbankan Islam: The Influence of Religious Obligation and Zakat Literacy on the Behavioral Intention to Pay Zakat Savings Directly Through Islamic Banking. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 19(2), 136–154. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v19i2.468>
- Meerangani, K. A., Sharipp, M. T. M., Abdul Hamid, M. F., Hashim, S. N. I., Rameli, M. F. P., & Rosele, M. I. (2022). Digitalisation of Zakat Management System in Malaysia: Potential and Challenges. *International Journal of Academic Research in Economics and Management and Sciences*. 11(2), 323-337.
- Muhammad Ilhamuddin. A., Mohd Hafiz. J. & Siti Aisyah (2025). Integrasi Perundangan Zakat Untuk Ketahanan Iklim dan Pembangunan Mampan Di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research (2025)* Vol. 10(2) 199-222.

- Muhammad Irsyad., Besse. W., & Agus. S. (2023). Pengaruh Literasi Zakat dan Kepercayaan Pada Lembaga Pengelola Zakat Terhadap Perilaku Membayar Zakat Muzaaki di Kota Jambi. Tahun 2021-2022. *Indonesian Journal of Islamic Economics and Business (IJ)*
- Muhammad Yusran., A. Maharani. D., Nuraeni. M., Nur Hidayah., & Erty. R. R. (2024). The Role of Zakat Literacy and Zakat Spirituality on Muzakki Compliance Behavior. *Indonesian Journal of Business Analytics (IJBA)*. Vol. 4, No. 6 December 2024: 2228-2241.
- Musa. M. S., Muhammad. Y. N., Mohf Rofaizal. I. & Hasliza. T. (2023). Pembangunan Ekosistem Program Sekuriti Makanan melalui Kesatuan Institusi Zakat dan Wakaf. *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSAL 2023)*.
- Naemah. H. Mohd. Nasir. M., Aminuddin. R., & Amir. I. S. (2021). Penggunaan Wang Bantuan Zakat dalam Kalangan Asnaf Fisabilillah dan Asnaf Gharim di Universiti Teknologi Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*. Vol. 1, No.2.(Special Issue 2021).
- Noraini. S., Raihan. N., Nuralia. J. A., & Siti Raudhah. A. K. (2026). Demographic Factors of Zakat Payers Using Bibliometric and Empirical Analysis. *Journal of Awqaf, Zakat and Hajj (JAWHAR)*. Issue: Volume 4, No.1. pp: 239-256.
- Nooh, M. N. (2025). Peranan Zakat dalam Membantu Asnaf Menjalankan Perniagaan di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur Kritis: Zakat's Role in Assisting Asnaf to Conduct Business in Malaysia: A Critical Review of the Literature. *Journal of Management and Muamalah*, 15(1), 20-37. <https://doi.org/10.53840/jmm.v15i1.199Malaysia>.
- Patmawatie. H. I. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, Vol. 16, No. 2(2008), 1-23.
- Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor. (2026). Konsep dan definisi zakat. <https://www.zakatselangor.com.my>
- Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor. (2026). Literasi dan Kefahaman Zakat Dalam Masyarakat. <https://www.zakatselangor.com.my>
- Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor. (2026). Peranan Zakat Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah. <https://www.zakatselangor.com.my>
- Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor. (2026). 5 Teras Bantuan Utama Zakat. <https://www.zakatselangor.com.my>
- Portal RasmiMajlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (2026). *Bantuan Zakat untuk Pendidikan*. <https://www.maiwp.gov.my/portal-main/bantuan-pendidikan>
- Portal RasmiMajlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (2026). *Bantuan Zakat untuk Ekonomi*. <https://www.maiwp.gov.my/portal-main/bantuan-ekonomi>
- Portal RasmiMajlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (2026). *Bantuan Zakat untuk Ekonomi*. <https://www.maiwp.gov.my/portal-main/bantuan-zakat>
- Portal Rasmi Zakat Universiti UKM. (2026). *Fiqh Zakat Siri 1*. <https://www.ukm.my/zakat/news/2944-2>
- Saiman, M. Z., & Mustaffa Kamal, F. D. (2025). Strategic Effectiveness of Zakat Aid Implementation in Empowering the Asnaf Economy: A Study in Taiping, Perak: Strategi Keberkesanan Pelaksanaan Bantuan Zakat Dalam Memperkasa Ekonomi Asnaf: Kajian Di Taiping, Perak. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(04), 78–93. <https://doi.org/10.64757/alqanatir.2025.3404/1217>
- Sakinatul Raadiyah Abdullah, Izatul Akmar Ismail, Nik Liyana Mustapa @ Nik Daud, Mohd Badrul Hakimi Daud, & Mohd Zaidulhair Elias. (2025). Ulasan Literatur Hubungan Antara Sokongan Zakat Pendidikan Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar: Literature Review on the Relationship Between Educational Zakat Support Towards Students' Motivation and Academic Achievement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 318–336.

- Sha'ari, H., & Mohd Yusoff, N. A. (2023). Kepentingan Zakat Kepada Pembangunan Ummah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(53),406-419.
- Singh, B., Ahmed, S., & Jain, A. (2025). The Potential of Zakat in Poverty Alleviation to Achieve SDG 2: Zero Hunger. *Asy-Syari'ah*. Volume 27, Issue 1, 21-46, June 2025.
- Suhaili, S., Aini, A. N., & Azzah, K. N. (2024). Zakat for Generating Sustainable Income: An Emerging Mechanism of Productive Distribution. *COGENT Business & Management*. 2024. Vo. 11, No.1, 2312598.
- Wahid, H., et al. (2023).Pengurusan Zakat di Malaysia: Impak Bantuan Zakat Pendidikan dan Kesejahteraan Hidup Asnaf. Universiti Kebangsaan Malaysia.<http://www.ukm.my/fep>.